

Cadangan naikkan tambang feri tinggi

LANGKAWI 17 Jun - Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan cadangan pengusaha feri Langkawi untuk menaikkan kadar tambang yang melebihi 30 peratus adalah tinggi.

"Kalau dia (pengusaha feri) kata harga minyak naik atau faktor-faktor lain (kerajaan) boleh timbang tetapi kenaikan secara mendadak melebihi 30 peratus agak tinggi-lah," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Dialog Kedah Maju 2010 (Dialog 2010), di Langkawi Lagoon Resort, di sini hari ini.

Menurut bekas Perdana Menteri, isu cadangan menaikkan kadar tambang feri itu kini sedang ditangani oleh Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang telah menubuhkan jawatahkuasa

khas untuk menjalankan kajian terperinci mengenainya.

Dalam perkembangan berkaitan, para pengusaha feri ke Langkawi telah bersetuju menangguk cadangan mereka menaikkan kadar tambang sehingga satu keputusan mengenainya dibuat.

Pengerusi Jawatahkuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan negeri, Nawawi Ahmad berkata, keputusan itu dicapai pada mesyuarat Jawatankuasa Kawal Selia Perkhidmatan Feri Kedah dengan empat pengusaha feri Langkawi yang diadakan di Alor Star semalam.

"Sehingga kerajaan negeri membuat satu keputusan mengenainya, kadar tambang feri ke Langkawi tidak akan dinaikkan," katanya ketika ditemui pada Dialog Kedah Maju 2010 (Dialog 2010), di sini hari ini.

Mengikut cadangan asal, kadar tambang itu sepatutnya dinaikkan sehingga 46 peratus mulai esok tetapi ditangguk selepas dibantah pelbagai pihak.

Jika cadangan itu dilaksanakan, penumpang dari Kuala Kedah ke Langkawi akan dikenakan tambang sebanyak RM22 bagi dewasa dan RM16 bagi kanak-kanak berbanding RM15 dan RM9 yang dikenakan ketika ini.